

Pembangking sebar khabar angin PM mahu letak jawatan diselar

KLANG 19 Ogos —
Ketua Pemuda UMNO,
Encik Anwar Ibrahim hari
ini menyelar beberapa
orang pemimpin parti pembangkang yang disifatkan
sebagai 'kecewa dalam
percaturan politik' dengan
menyebarkan khabar-
khabar angin kononnya
Perdana Menteri akan me-
letak jawatan dalam be-
berapa hari lagi.
Beliau kesal kerana kha-

bar angin itu menjadi berita
hangat di kalangan rakyat
sesudah pilihanraya sehing-
ga ia disebarkan dua hari
lalu oleh sebuah akhbar ba-
hasa Mandarin kononnya
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad akan melepās-
kan jawatannya dalam be-
berapa hari lagi.

Sambil menafikan kha-
bar - khabar angin itu, En-
Anwar menegaskan,
mandat yang diberikan ke-
pada Barisan Nasional
(BN) dalam pilihanraya la-
lu adalah besar dan keme-
nangan itu adalah keme-
nangan kepercayaan terha-
dap dasar-dasar BN.

"Oleh itu kita tidak da-
pat menerima dan melihat
apa-apa sebab yang muna-
sabah mengapa berita-
berita palsu itu perlu diper-
cayai.

"Ia hanya satu muslihat
nakal dari kalangan mereka
yang kecewa dalam politik
setelah melihat kemenang-
an besar BN dan keyakinan
rakyat terhadap kepimpin-

LIHAT MUKA 6

Pembangking sebar khabar angin

an Datuk Sri Dr. Mahathir,
tegas beliau kepada para
pemberita selepas me-
nyampaikan sijil kepada
pelajar - pelajar Institut
Teknologi Pekerja di sini
pagi ini."

Menurut beliau alasan
yang dinyatakan dalam ber-
ita itu ialah Perdana Men-
teri merasakan beliau tidak
mendapat kepercayaan se-
penuhnya dari rakyat dan
ahli parti.

"Ini jelas membuktikan
percubaan untuk menafi-
kan kepercayaan rakyat
terhadap kepimpinan dan
pentadbiran kerajaan seka-
rang.

"Sebelum pilihanraya,
mereka menyebut bahawa
pucuk pimpinan mengha-
dapi krisis keyakinan, ke-
mudian kita membentang-
kan perkara ini kepada ra-
kyat dan biar rakyat yang
menentukan dalam pilihan-
raya secara demokratik.

"Sekarang, rakyat telah
memilih kerajaan yang me-
reka mahu dan lepas itu
masih timbul rasa cemas
dan golongan ini berusaha
untuk menghakis keyakin-
an di hati rakyat," tegas
Encik Anwar.

Beliau yang juga Menteri
Pelajaran selanjutnya ber-
kata, hanya mereka yang
tamak pada kuasa dan ber-
main politik kotor sahaja
yang tidak pernah puas hati
dengan keyakinan yang di-
berikan oleh rakyat pada
kerajaan.

Di tanya mengapakah
kerajaan perlu merasa ter-
tekan dengan khabar-
khabar angin seperti ini,
Encik Anwar menegaskan
bahawa soal tertekan tidak
timbul sama sekali.

"Persoalannya ialah ra-
kyat sendiri kini tertanya-
tanya tentang khabar angin
itu dan saya sendiri dihu-
jani dengan berbagai soal-
an dari rakyat mengenai-

nya, jadi adalah menjadi
tanggungjawab kerajaan
untuk menegaskan ke-
palsuan berita tersebut dan
mematikkannya sama seka-
li," tambah beliau.

Encik Anwar juga engg-
an menghuraikan parti po-

litik manakah beliau meru-
juk gelagat pemimpin - pe-
mimpin politik ini tetapi
menjelaskan mereka terdiri
dari golongan yang ber-
kempen untuk menafikan
undi dua pertiga BN sebe-
lum pilihanraya dahulu.